

TEKS UCAPAN

YANG BERTHORMAT
DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

SEMPENA
PROGRAM BUAL BICARA SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN PELAJARAN (SPP) BERSAMA WARGA
PENDIDIKAN SIBU, SARAWAK
“TADBIR URUS AKADEMIK DAN ORGANISASI”

DI
DEWAN SRI RAJANG, IPGM KAMPUS RAJANG,
SIBU, SARAWAK

PADA
25 JANUARI 2018 (KHAMIS)
9.30 PAGI

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Dihormati Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Dihormati Wakil-Wakil Pejabat Pendidikan Daerah,
Politeknik, Kolej Komuniti, Pengetua/ Guru Besar Sekolah

Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan para Warga Pendidik
yang dihormati sekalian

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu izinkan saya panjatkan rasa kesyukuran kepada Tuhan kerana dapat hadir bersama-sama YBhg Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Dr/ Tuan/ Puan ke Majlis Program Bual Bicara SPP bersama warga pendidik di Sibul, Sarawak dalam suasana yang ceria pagi ini. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan warga pendidik sama ada dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Politeknik, Kolej Komuniti, Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) mahupun sekolah yang hadir bagi menjayakan program ini. Saya juga mengambil kesempatan ini juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak SPP kerana sudi menjemput saya untuk hadir dan seterusnya merasmikan program ini.

2. Saya dimaklumkan Sibul telah dipilih oleh SPP sebagai destinasi pertama dalam siri Program Bual Bicara dengan Warga Pendidik pada tahun ini. Program yang bermula pada pertengahan tahun 2017, merupakan satu platform kepada Ahli Suruhanjaya yang merupakan Pihak Pengurusan Tertinggi Agensi Kerajaan sebelum bersara berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka dengan warga pendidik setempat. Warga pendidik juga akan diberi peluang mengemukakan soalan bagi mendapatkan tip-tip yang boleh dijadikan panduan ke arah

menjadi pegawai yang cemerlang. Serentak dengan program ini, SPP juga membuka kaunter konsultasi bagi urusan kes-kes tatatertib dan perkhidmatan kepada pentadbir PPD, Politeknik, Kolej Komuniti, IPGM dan Sekolah. Orang awam sekitar Sibul juga dijemput untuk ke kaunter kerjaya SPP bagi mendapat maklumat mengenai peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh SPP sepanjang tahun 2018. Seterusnya, mereka yang layak dan berminat boleh memohon jawatan berkenaan secara atas talian (on line). SPP juga mengambil peluang berada di Sibul mengadakan program Turun Padang (TUPA) di dua (2) buah sekolah yang dikenali iaitu SMK Sg Paoh dan SK Batu 15. Melalui program ini, SPP dapat mendekati Warga Pendidik dan Persatuan Ibubapa (PIBG) Sekolah-sekolah berkenaan selain menyampaikan sumbangan yang diperlukan.

3. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab ke atas SPP, saya amat berbesar hati kerana diberikan mandat untuk mengetuai agensi yang amat penting serta memberikan impak yang besar terhadap landskap pendidikan negara. Sebagai Pihak Berkuasa Melantik, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) memainkan peranan penting ke arah mencorak modal insan perkhidmatan pendidikan di Negara ini pada masa depan. Sehubungan itu, saya menyokong sebarang bentuk transformasi yang dilaksanakan oleh SPP bagi menentukan

calon-calon yang dilantik sebagai pendidik mereka yang terbaik bukan sahaja dari segi akademik bahkan sasiahnya. Antara transformasi yang telah dilaksanakan oleh SPP mulai tahun 2017 adalah menetapkan calon yang dilantik sebagai pendidik perlu melepasi Ujian Psikometrik. Moga tapisan seperti ini akan menghasilkan warga pendidik yang mampu melaksanakan tugas mendidik dan seterusnya melahirkan masyarakat yang inklusif pada masa hadapan. Sehubungan itu, hubungan baik warga pendidik dengan SPP wajar diperkukuhkan melalui program seperti ini selaras dengan hasrat Kerajaan memantapkan sistem penyampaian kerajaan kepada semua pihak-pihak berkepentingan dalam landskap pendidikan negara.

ASPIRASI DAN HARAPAN

Yang Berbahagia Tan Sri dan para hadirin sekalian

4. Sempena tahun baru 2018 ini, tidak terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua warga pendidik khususnya di Sibu ini. Besarlah harapan saya agar seluruh warga pendidik terus komited dalam menjalankan tugas demi mendukung cita-cita Transformasi Nasional 2050

(TN 50) kelak. Saya percaya seluruh warga pendidik turut berkongsi hasrat yang sama dalam membentuk masyarakat yang bersedia untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.

5. Tugas guru tidak hanya terhad di bilik darjah semata-mata kerana tanggungjawab anda adalah merangkumi seluruh landskap sosio-ekonomi dan sosio-politik Negara. Guru atau pendidik terlibat dalam tadbir urus, merancang, menggubal dasar, memantau, membuat penyelidikan dan penilaian tentang pelbagai aspek berkaitan pendidikan. Saya yakin, warga pendidik daripada pelbagai peringkat sekolah sentiasa berusaha memastikan kemenjadian murid sebagai warganegara unggul dicapai dengan baiknya. Sintaksisnya, dapat mencurahkan khidmat bakti kepada keluarga, agama, bangsa, dan negara kita yang tercinta.

6. Dalam hal ini, SPP dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga perlu bergerak seiring dengan warga pendidik dalam usaha melahirkan warga pendidik yang komited, cekap dan amanah dalam menjalankan tugas masing-masing. Bermula dari tugas SPP yang mengenalpasti calon terbaik untuk dilantik sebagai pendidik, seterusnya KPM dan KPT yang menerima calon

berkenaan akan mengasah dan mengilap bakat mereka bagi menjadi warga pendidik yang cemerlang. Bagi mencapai hasrat tersebut, fungsi SPP mahupun tanggungjawab yang diberi kepada PPD, Politeknik, Kolej Komuniti, IPGM dan Sekolah perlu dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab dan segala keputusan yang diambil perlulah rasional serta memberi faedah sebaiknya kepada Kerajaan dan Rakyat.

KOMITMEN KERAJAAN KEPADA PENDIDIK

Yang Berbahagia Tan Sri dan para hadirin sekalian

7. Kerajaan dibawah pimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia sentiasa komited dalam menjaga perkhidmatan perguruan dan mengutamakan kebajikan mereka khusus warga pendidik Negeri Sarawak. Lihat sahaja dari aspek penempatan warga pendidik di KPM, Kerajaan bersetuju bahawa warga pendidik di Negeri Sarawak hendaklah terdiri anak tempatan dan menjelang akhir tahun 2018 kedudukan warga pendidik anak tempatan adalah 90 peratus berbanding 10 peratus daripada Semenanjung dan Sabah. Dasar yang dilaksanakan sejak Tahun 2016, semakin hampir mencapai sasarannya di mana sehingga 31 Disember

2017, kedudukan warga pendidik anak tempatan Sarawak yang ditempatkan di Negeri Sarawak adalah sebanyak 87 peratus.

Bagi pandangan saya, peluang yang diberikan oleh Kerajaan ini, wajar dibuktikan dengan komitmen penuh warga pendidik Negeri Sarawak khususnya yang hadir pagi ini ke arah mendidik dan menghasilkan pelajar Negeri Sarawak yang cemerlang dan sedia menghadapi saingan di peringkat global. Bagi membuktikan pencapaian warga pendidik tempatan, saya mencadangkan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak menggunakan keputusan peperiksaan seperti SPM sebagai KPI kepada warga pendidik Negeri Sarawak.

8. Begitu juga hasil perbentangan Bajet Tahun 2018 oleh YAB Perdana Menteri baharu-baharu ini, warga pendidik mahupun penjawat awam umumnya menikmati pelbagai insentif yang mula diperolehi awal tahun ini. Antaranya:

- i) Bantuan Khas Kewangan 2107 (sebanyak RM1,000 yang telah dibayar pada bulan Januari ini),
- ii) Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 (sebanyak RM500 dibayar sebelum sambutan Aidilfitri),
- iii) Cuti Rehat Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan,

- iv) Kebenaran Gantian Cuti Rehat Melebihi 150 hari Digunakan Sebagai Cuti Rehat Pada Tahun Persaraan
- v) Pelaksanaan Kebenaran Pulang Awal Satu Jam Kepada Pegawai Wanita Mengandung
- vi) Kemudahan Cuti Bersalin Pegawai Perkhidmatan Awam
- vii) Kemudahan Cuti Umrah

Moga dengan insentif yang diberikan sepertimana dinyatakan sebentar tadi akan menjadi pendorong kepada warga pendidik untuk berusaha lebih gigih lagi ke arah membentuk generasi muda yang mantap dan berdaya siang pada masa depan

TRANSFORMASI NASIONAL 2050

Yang Berbahagia Tan Sri dan para hadirin sekalian

9. Pelaksanaan Program Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang telah dilancarkan Januari tahun lalu telah menjadi fokus utama Kerajaan dalam menentukan hala tuju negara pada masa akan datang demi membentuk Malaysia lebih berjaya dan disegani. Saya percaya dan yakin bahawasanya tuan-tuan dan puan-puan warga pendidik sedang memainkan

peranan tersebut melalui pendedahan aspirasi dan harapan TN 50 kepada para murid-murid. Moga usaha ini akan membentuk anak-anak muda Malaysia yang peka serta berwawasan demi meletakkan negara dalam senarai 20 negara teratas di dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.

10. Fokus TN50 adalah untuk melahirkan kemenjadian murid sebagai salah satu aspirasi untuk memacu negara di masa akan datang. Seperti mana ucapan YB Menteri Pendidikan, dalam Dialog TN50 Guru Muda 1Malaysia Memacu Masa Depan Pendidikan Negara, aspirasi tersebut penting bagi membentuk pelajar yang mempunyai kemahiran menyeluruh dalam sistem pendidikan. Melalui aspirasi ini usaha dibuat bagi melahirkan institusi pendidikan berprestasi tinggi di negara ini. Masyarakat kini mahu melihat kualiti guru-guru dan perancangan pendidikan daripada peringkat awal hingga ke peringkat pendidikan tinggi setaraf negara maju. Maka peranan warga pendidik amat penting dalam memastikan kejayaan transformasi membentuk generasi TN 50 tercapai dengan jayanya.

11. Penglibatan guru muda amat penting dalam aspirasi TN50 dalam menjayakan agenda mulia kerajaan ini. Guru muda ini akan menjadi pemangkin kepada usaha transformasi

pendidikan yang menjurus kepada perubahan minda anak-anak muda di Malaysia. Guru muda perlu mempunyai dedikasi dan semangat untuk memberi didikan kepada murid supaya dapat membentuk kemahiran menyeluruh selaras perkembangan digital masa kini. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang bukan sahaja berilmu pengetahuan tapi mempunyai berketerampilan, bahkan berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

TADBIR URUS AKADEMIK DAN ORGANISASI

Yang Berbahagia Tan Sri dan para hadirin sekalian

12. Kualiti perkhidmatan dalam sektor awam sentiasa menjadi bualan positif mahupun negatif di kalangan masyarakat sejak sekian lamanya. Pihak Kerajaan sentiasa berusaha memastikan pelbagai inisiatif yang diperkenalkan kerajaan dapat memberikan perkhidmatan yang mesra rakyat sebagaimana yang digariskan dalam gagasan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Bagi mencapai

hasrat ini, warga pendidik sama ada di PPD, Politeknik, Kolej Komuniti, IPGM dan sekolah melalui transformasi minda dalam usaha memantapkan penyampaian perkhidmatan yang berorientasikan rakyat kepada stakeholders.

13. Secara umumnya, saya percaya sebahagian besar warga pendidik diseluruh negara menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi serta mendapat sokongan sewajarnya dari pelbagai pihak terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Pejabat Pendidikan Daerah serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

14. Namun demikian, masih terdapat segelintir penjawat awam termasuklah dari kalangan Anggota Perkhidmatan Pendidikan yang telah mencemarkan imej dan menimbulkan persepsi negatif terhadap organisasi dan perkhidmatan awam. Perkara ini terbit daripada tadbir urus yang tidak cekap, tidak telus, dan tidak bertanggungjawab dari kalangan penjawat awam itu sendiri. Hal ini perlu dibendung secepat mungkin sebelum ia mula merebak lebih parah yang akhirnya menjejaskan Aspirasi Nasional.

15. Maka pendidikan berkualiti yang berasaskan tadbir urus yang cemerlang dan inklusif menjadi amat penting. Ianya

merangkumi prinsip amanah dan bertanggungjawab (accountable), telus (transparent), sedia memberi maklum balas (responsive), adil dan meliputi semua pihak (equitable and inclusive), berkesan dan cekap (effective and efficient), mematuhi kedaulatan undang-undang (follows the rules of law), mudah disertai dengan rela hati (participatory), dan berteraskan rundingan dan muafakat (consensus oriented).

16. Sesuai dengan kedudukan penjawat awam khususnya warga pendidik sebagai tulang belakang kepada Kerajaan yang memerintah, maka menjadi tanggungjawab kepada semua warga pendidik sentiasa menjalankan tugas dengan cekap dan berkualiti bagi memberikan tanggapan yang positif kepada kerajaan. Kesetiaan warga pendidik kepada kerajaan sangat penting dan signifikan bagi memantapkan penyampaian kerajaan kepada rakyat berteraskan tadbir urus yang menyeluruh dan, ini membuktikan betapa pentingnya elemen governan dalam membangunkan negara maju menjelang tahun 2050. Sepertimana saranan YB Menteri Pendidikan, warga pendidik sewajarnya perlu sentiasa bersikap profesional supaya prinsip “bebas” dan “tidak berpihak” diamalkan dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat.

PENUTUP

Yang Berbahagia Tan Sri dan para hadirin sekalian

17. Sebagai penutup, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan penghargaan serta ribuan terima kasih atas penganjuran Majlis Program Bual Bicara SPP Bersama Warga Pendidik. Besarlah harapan saya agar hubungan kukuh dan akrab yang sediakala terjalin antara warga pendidik dan SPP terus berkekalan dengan lebih erat demi memantapkan perkhidmatan awam serta kesejahteraan negara pada amnya. Perkara ini selari dengan pepatah inggeris yang berbunyi “No one can whistle a symphony. It takes a whole orchestra to play it”. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada seluruh warga pendidik di Sarawak dan warga SPP dalam menghadapi tahun baru 2018 yang semestinya akan memberikan cabaran baru dan lebih hebat kepada kita semua. Semoga tahun ini memberikan keberkatan dan kejayaan kepada kita dalam

memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Malaysia. Saya juga mengambil peluang ini mengucapkan “Gong Xi Fa Cai 2018” kepada warga pendidik kaum Cina. Moga perayaan yang akan disambut pada 17 Februari 2018 ini berjalan dengan suasana meriah dan ceria.

PERASMIAN

18. Saya dengan ini merasmikan Program Bual Bicara SPP Bersama Warga Pendidik yang bertajuk “Tadbir Urus Akademik Dan Organisasi”.

Sekian, terima kasih.